

28 JAN 1997

Yong-Balak

SALAH LAKU TIDAK DITOLAK DALAM KES PENYELUDUPAN BALAK DI SABAH

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee hari ini berkata beliau tidak menolak kemungkinan berlaku perbuatan "jenayah" dalam kes penyeludupan kayu balak di Sabah.

"Secara terang saya tidak menolak kemungkinan perbuatan jenayah telah dilakukan," katanya ketika ditanya sama ada terdapat sebarang kejadian penyelewengan atau rasuah dalam kes itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Majlis Kebangsaan untuk Penguasa Tempatan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, Yong berkata beliau telah meminta mereka yang menyiasat kes itu mengambil kira kemungkinan berlakunya "kecuaian dalam tugas dan jenayah".

Terdahulu Yong menyerahkan laporan jawatankuasa Kabinet peringkat negeri yang ditubuhkan untuk menyiasat penahanan kapal "MV Able Helmsmen" yang didaftarkan di Pelabuhan Klang oleh Jabatan Perhutanan Sabah kerana disyaki mengeksport kayu balak tanpa kebenaran di Tawau pada 18 Jan, kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar.

Jawatankuasa itu ditubuhkan ekoran arahan Anwar pada 20 Jan supaya kerajaan negeri menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi untuk menyiasat kejadian itu.

Mengenai laporan yang diserahkan kepada Dr Mahathir dan Anwar, Yong berkata ia mengandungi cadangan bagaimana mengatasi masalah itu, terutama memperjelaskan perkara-perkara yang masih kabur berhubung kegiatan balak di Sabah.

"Semua fakta kini diserahkan kepada pihak berkuasa persekutuan. Biarlah kementerian dan jabatan yang berkaitan mengambil tindakan mereka sendiri untuk menyelesaikan masalah ini," katanya.

Yong juga berkata laporan itu boleh menyelesaikan silap faham mengenai isu itu yang berlaku antara Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Ghapur Salleh yang mengetuai jawatankuasa kabinet negeri.

-- BERNAMA

MT HS SN AHH